

RAFIDAH PIMPIN WANITA SELAYANG?

KUALA LUMPUR, Khamis.— Menteri Perusahaan Awam Datin Paduka Rafidah Aziz dijangka akan dicalon untuk merebut jawatan Ketua Wanita UMNO Bahagian Selayang.

Sumber-sumber Bahagian itu memberitahu hari ini, Datin Paduka Rafidah yang juga Naib Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, besar kemungkinan tidak akan ditentang bagi merebut jawatan itu.

Ini berikutan keputusan ketua wanita sekarang Ibu Hajah Anjah Mohamad Arif untuk mengundurkan diri atas sebab-sebab usianya dan untuk memberi peluang

kepada tokoh yang lebih muda' memimpin Bahagian itu.

Berikutan keputusannya hendak mengundurkan diri itu, jawatankuasa wanita bahagian itu difahamkan telah mengadakan rundingan untuk mencari bakal penggantinya.

Bakal pengganti yang mula-mula di sebut ialah Puan Rakibah Haji Abdul Manap, iaitu Naib Ketua Wanita Bahagian tersebut.

Rundingan mencari bakal pengganti itu berlangsung selama dua minggu dan penyelesaian yang akhirnya dicapai ialah untuk membuka pintu kepada Datin Paduka Rafidah Aziz yang juga ahli Parlimen kawasan

Selayang memimpin pergerakan wanita bahagian tersebut.

Sumber-sumber itu bagaimanapun menjelaskan bahawa penyelesaian itu hanya merupakan satu per-sefahaman sahaja dan terpulanglah kepada cawangan-cawangan wanita dalam bahagian untuk mencalonkan Datin Rafidah Aziz bertanding merebut jawatan itu.

Masalah

Soal pencalonan tidak menjadi masalah kerana cawangan Taman Selayang yang dianggotai oleh Datin Paduka Rafidah Aziz sejak setahun lalu pasti mencalonkan beliau untuk ja-

watan tersebut.

Malah sumber-sumber itu berkata, sebahagian besar daripada hampir 70 cawangan wanita dalam bahagian tersebut dijangka akan menyokong pencalonan Datin Paduka Rafidah.

Dengan kejayaannya nanti, maka akan berakhirlah usaha-usaha menteri itu untuk mencari pengkalan politik yang kekal setelah puas berusaha sejak bertanding dalam pilihanraya umum tahun 1978.

Kejayaan ini dianggap penting bagi masa depan kerjaya politiknya memandangkan kini sudahpun wujud sepikulasi tentang kemungkinan pilihanraya umum akan diadakan tahun ini.